

TEKS UCAPAN

**Y.BHG. DATO' HAJAH ROSNANI BINTI IBARAHIM
KETUA PENGARAH ALAM SEKITAR MALAYSIA**

SEMPENA

**PERHIMPUNAN PERDANA BERSAMA
Y.BHG. DATO' HAJAH ROSNANI BINTI IBARAHIM
KETUA PENGARAH ALAM SEKITAR MALAYSIA**

29 MEI 2009 (JUMAAT)

8.00-9.30 MALAM

AUDITORIUM ABU ZARIM,

ILSAS, KAMPUS UNITEN

BANGI, SELANGOR

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin, limpah dan kurnianya dapat kita berhimpun pada perhimpunan malam ini. Saya mengambil kesempatan ini juga untuk mengalu-alukan kedatangan semua pegawai dan kakitangan JAS, terutamanya mereka yang datang jauh dari pejabat-pejabat negeri dan cawangan dari seluruh Malaysia.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Perhimpunan bulanan kali ini merupakan satu majlis yang agak istimewa kerana buat pertama kalinya, wakil daripada setiap pejabat negeri di seluruh negara dapat berhimpun bersama-sama dengan warga JAS Ibu Pejabat di bawah satu bumbung. Melalui perhimpunan ini, saya berharap agar mesej yang ingin saya sampaikan kepada setiap warga JAS dapat disampaikan dengan lebih berkesan dan diterima oleh tuan-tuan dan puan-puan dengan positif dan semangat ingin memajukan diri dan Jabatan.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Saya bersyukur kepada Allah S.W.T. kerana dapat melihat wajah-wajah warga JAS yang sihat, ceria dan bersemangat. Melihat keceriaan yang terpancar di raut wajah tuan-tuan dan puan-puan ini, suka saya menekankan bahawa kesihatan tuan-tuan dan puan-puan haruslah sentiasa dijaga, bukan sahaja untuk kesejahteraan diri dan keluarga tuan-tuan dan puan-puan tetapi mustahak bagi memastikan kelicinan pelaksanaan tugas-tugas tuan-tuan dan puan-puan di Jabatan ini.

Dengan adanya warga kerja yang sihat, kekerapan pegawai dan kakitangan mengambil cuti sakit adalah berkurangan dan produktiviti kerja dapat dipertingkatkan. Oleh yang demikian, dalam keghairahan tuan-tuan dan puan-puan melaksanakan tugas-tugas harian, luangkanlah sedikit masa setiap hari untuk aktiviti-aktiviti riadah yang dapat meningkatkan tahap kesihatan dan kecergasan minda kita.

Justeru, aktiviti kesukanan merupakan salah satu langkah yang tepat ke arah mencapai matlamat ini. Aktiviti sukan bukan sahaja mengeratkan hubungan antara kakitangan bahkan juga melahirkan pekerja yang sihat yang secara tidak langsung meningkatkan kualiti serta penghasilan kerja yang cemerlang. Aktiviti sukan juga dapat mengurangkan ketegangan (*stress*) di kalangan pekerja. Apabila bersukan, tuan-tuan dan puan-puan dapat melupakan seketika segala masalah yang membelenggu di tempat kerja dan juga masalah-masalah peribadi yang lain. Semangat kesukanan dalam diri seseorang dapat meningkatkan motivasi atau keseronokan bekerja sama ada sebagai seorang individu mahupun sebagai seorang "*team player*" yang cergas dalam menyumbangkan idea dan tenaga.

Di sini saya ingin mengucapkan penghargaan dan syabas kepada pihak KESAS yang mengambil inisiatif untuk menganjurkan Karnival Sukan JAS 2009 yang melibatkan peserta-peserta yang terdiri daripada semua lapisan warga kerja JAS tanpa mengira gred dan jawatan.

Walau bagaimanapun, penglibatan dalam sukan atau sebarang aktiviti riadah yang menyihatkan tidak perlu dihadkan kepada acara-acara yang dipertandingkan dalam Karnival Sukan semata-mata tetapi perlu dijadikan sebahagian daripada amalan gaya hidup sihat tuan-tuan dan puan-puan.

Untuk makluman tuan puan, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) misalnya, kerap kali menganjurkan program Jom Sihat untuk kakitangan di Wisma Sumber Asli sebagai usaha untuk memupuk sikap suka bersukan di kalangan warganya. Begitu juga dengan program-program lain seperti senam seni yang dianjurkan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan. Program-program ini sememangnya bertetapan dengan hasrat Kerajaan melahirkan pekerja sektor awam yang sihat.

Sesungguhnya tuan-tuan dan puan-puan, *otak yang cerdas datang dari badan yang sihat*. Tujuan pertandingan sukan diadakan bukan semata-mata sebagai gelanggang atau platform untuk melahir dan menyetengahkan bakat-bakat baru dalam sukan, tetapi tujuan utamanya adalah seperti yang disebutkan di awal tadi iaitu mengeratkan hubungan antara kakitangan dan sebagai catalyst untuk menggerak minat kita semua ke arah bersukan secara lebih konsisten dan berlanjutan untuk melahirkan pekerja yang sihat, berkualiti dan berproduktiviti tinggi.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Apabila YAB Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak mengambil alih kepimpinan negara, beliau telah mengutarakan konsep Satu Malaysia, rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan. Dalam Majlis Perdana Perkhidmatan Awam Ke Sepuluh (MAPPA X) baru-baru ini, YAB Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak telah menggesa agar setiap penjawat awam berusaha meningkatkan mutu perkhidmatan awam bagi mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk semua rakyat Malaysia dengan mengoptimalkan potensi mereka.

Di sini warga JAS perlu memainkan peranan masing-masing untuk memastikan perkhidmatan yang responsif dan saksama kepada pelanggan kita. Nilai integriti dalam menjalankan tugas juga perlu dititikberatkan. Amalan-amalan yang memburukkan imej jabatan seperti mengambil rasuah, menghantar surat layang dan sebagainya haruslah dijauhi. Selain itu, tabiat "Tak Apa" juga perlu dihindari. Contohnya tabiat sesetengah pegawai dan kakitangan yang suka menggunakan masa bekerja untuk minum dan bersembang-sembang di kantin dan sebagainya

bukan sahaja memburukkan imej Jabatan tetapi imej perkhidmatan awam di mata *stake holders* kita, yang terdiri dari rakyat Malaysia.

Di sini suka saya ingatkan tuan-tuan dan puan-puan bahawa ketepatan masa adalah satu perkara yang asas dalam disiplin penjawat awam dan tuan-tuan dan puan-puan diwajibkan menepati waktu bekerja berperingkat yang telah tuan-tuan dan puan-puan tetapkan sendiri. Setiap waktu, jam minit dan saat bekerja diukur dan diberi ganjaran setimpal dengannya oleh kerajaan dan kita pun telah berikrar bersetuju memikul tanggungjawab yang diamanahkan itu. Sekiranya kita gagal menjalankan tugas bagi setiap saat, minit dan jam yang dilalui di pejabat setiap hari, maka saya beranggapan bahawa ganjaran yang diberi itu tidak halal bagi tempoh masa yang kita tidak bekerja. Dengan erti kata lain, kita makan dari ganjaran atau habuan haram.

Konsep "One Malaysia" atau "Satu Malaysia" diwujudkan dengan tujuan untuk menyediakan satu forum yang bebas dan terbuka bagi membincangkan tentang perkara-perkara yang benar-benar dekat di hati kita sebagai satu bangsa. Ia menyediakan peluang untuk meluahkan dan menerokai kepelbagaian perspektif masyarakat kita. Apa yang menjadikan Malaysia unik adalah menerusi kepelbagaian rakyatnya.

Matlamat "Satu Malaysia" adalah untuk mengekalkan dan meningkatkan perpaduan di dalam kepelbagaian ini yang selama ini menjadi kekuatan kita dan akan kekal sebagai bekalan terbaik kita untuk masa hadapan. Konsep ini bertemakan perpaduan rakyat dan mengiktirafkan semua kaum dengan membawa aspirasi untuk memperbaiki hubungan kaum bagi memastikan rakyat Malaysia menjalin persahabatan berasaskan rasa hormat menghormati dan percaya mempercayai yang dianggap semakin pudar mutakhir ini. "Satu Malaysia" juga mencerminkan satu model

transformasi dan perubahan yang akan mengukuhkan lagi perpaduan nasional dan pembangunan. Adalah amat penting konsep ini menjamin tidak ada masyarakat yang terpinggir daripada apa jua bentuk pembangunan yang harus dinikmati oleh semua kaum.

Slogan Hari Pekerja Kebangsaan 2009 ialah "Kerana Mu Malaysia Maju", manakala slogan JAS adalah "Pekerja Berdisiplin Menjana Kemajuan". Untuk makluman, buat julung kalinya Jabatan Alam Sekitar telah diundang oleh Kementerian Sumber Manusia untuk menyertai Perhimpunan Hari Pekerja Tahun 2009 yang diadakan pada 2 Mei 2009 bertempat di Stadium Putra, Bukit Jalil, Kuala Lumpur. Seramai 56 orang pegawai dan kakitangan JAS telah menyertai perhimpunan ini. Saya mengucapkan syabas kepada semua yang telah menyertai perhimpunan ini dan berharap agar slogan Hari Pekerja kita bukan sahaja diwarwarkan semasa perhimpunan Hari Pekerja 2009 tetapi dipraktikkan di semua pejabat JAS di seluruh Negara. Antara pekerja berdisiplin ialah sentiasa memenuhi dan memuaskan hati pelanggan (dalam dan luaran). Satu kelemahan di kalangan penjawat awam yang perlu diperbaiki adalah kemahiran berkomunikasi.

Saya juga ingin menyentuh beberapa perkara untuk perhatian dan renungan kita bersama memandangkan wakil daripada setiap pejabat JAS hadir hari ini. Pertamanya ialah mengenai teguran audit. Unit Audit Dalam Kementerian dan juga Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan di Ibu Pejabat dan di beberapa pejabat JAS Negeri. Antara teguran yang sering dibangkitkan oleh audit ialah berkenaan dengan pengurusan aset alih, pengemaskinian Manual Prosedur Kerja (MPK) dan Fail Meja, pengurusan dokumen kewangan dan sebagainya.

Kelemahan pengurusan aset alih yang dibangkitkan oleh audit adalah mengenai pembelian peralatan yang tidak digunakan dan yang tidak dapat dikenalpasti di mana kedudukannya. Sehubungan dengan itu, pembelian aset alih perlulah berasaskan kepada keperluan sebenar tugas dan bukannya bagi mengelakkan '*shortfall*' peruntukan perbelanjaan mengurus dan pembangunan. Ini bertujuan untuk mengelakkan JAS membuat perbelanjaan atau perolehan yang sia-sia. Pegawai-pegawai projek yang menguruskan perolehan sesuatu peralatan juga perlu memastikan bahawa sesi latihan bagi penggunaan peralatan berkenaan diadakan terlebih dahulu sebelum diagihkan ke JAS Negeri dan cawangan supaya pegawai betul-betul faham menggunakan peralatan tersebut. Dengan cara ini isu gajah putih ataupun peralatan tidak digunakan tidak akan timbul .

Dari segi penerimaan sebarang peralatan , pegawai yang membuat perolehan hendaklah hadir untuk menerima peralatan berkenaan semasa ianya dihantar oleh pembekal.pegawai perolehan tidak boleh melantik wakilnya , kawan baiknya atau lain-lain bagi mewakilinya. Peralatan yang dihantar hendaklah diteliti dengan terperinci sebelum disahkan diterima.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Kenderaan jabatan merupakan aset kerajaan yang juga harus dikawal penggunaannya. Kenderaan jabatan dikhususnya di negeri-negeri hendaklah dioptimalkan untuk tugas-tugas rasmi dan tidak boleh digunakan untuk tujuan peribadi. Baru-baru ini, Jabatan telah menerima surat layang mengenai penyalahgunaan kenderaan Jabatan yang dikatakan telah digunakan untuk tujuan peribadi di salah sebuah pejabat JAS negeri.

Saya berharap perkara ini tidak akan berulang lagi. Kejadian yang paling malang telah berlaku di JAS yang telah melibatkan penggunaan inden minyak secara tidak terkawal bernilai RM 80,000. Kejadian ini tidak akan berlaku sekiranya semua warga JAS mempunyai nilai integriti yang tinggi di samping pemantauan berterusan di buat oleh pegawai penyelia.

Saya ingin tegaskan di sini bahawa setiap pegawai penyelia akan juga dikenakan tindakan sekiranya pegawai penyelia didapati lemah dan gagal menyelia anak buahnya sehingga berlakunya penyelewengan aset kerajaan, terbocor rahsia kerajaan dan lain-lain.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Keselamatan dan pemeliharaan dokumen-dokumen jabatan perlu diberi penekanan. Dokumen-dokumen ini perlu diberi tahap perlindungan maksimum bagi memastikan kesemua maklumat terpelihara. Setiap warga JAS perlu bekerjasama untuk memelihara fail-fail Jabatan sama ada fail terperingkat atau terbuka.

Tugas ini bukan sahaja terletak di bahu Bahagian Pentadbiran semata-mata, malah kita semua perlu memikul tanggungjawab untuk memelihara dokumen-dokumen rasmi Jabatan. Kita semua bekerja dengan fail. Ada di kalangan pegawai yang memegang fail untuk tempoh yang terlalu lama sehingga berbulan dan ada sesetengah bertahun-tahun. Bagi pegawai-pegawai ini, sila pastikan setiap surat yang diterima diambil tindakan segera dan difailkan untuk mengelakkan kehilangan dokumen-dokumen penting.. Setelah selesai tindakan diambil, fail hendaklah dipulangkan ke bilik fail dengan kadar segera.

Berkenaan dengan hal kompetensi pula, saya percaya bahawa ramai antara tuan-tuan dan puan-puan telah menduduki PTK baru-baru ini, di sini suka saya mengingatkan tuan-tuan dan puan-puan bahawa pegawai yang sedang memangku tetapi tidak disahkan dalam tempoh dua (2) tahun boleh diturunkan semula ke jawatan atau grednya yang asal. Di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bil 19/2008 pegawai yang ditawarkan menduduki PTK tetapi tidak menghadiri PTK yang berkenaan, Lembaga Penilaian Kompetensi (LPK) boleh mengenakan peraturan menangguhkan tempoh menduduki PTK selama 12 bulan dari tarikh PTK yang telah ditawarkan sekiranya calon gagal mengemukakan alasan yang munasabah.

Selain itu, pegawai yang telah lulus atau telah melepasi tahap kompetensi pada Aras III dibenarkan memperbaiki keputusan PTK dengan tujuan meningkatkan kompetensi ke aras yang lebih tinggi. Pegawai berkenaan diberi peluang sekali sahaja untuk berbuat demikian di Tahap Kecekapan (TK) yang berkenaan mulai berkuatkuasanya pekeliling ini. Oleh yang demikian, pegawai perlu membuat persediaan mencukupi bagi memastikan peluang dimanfaatkan sepenuhnya.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Sebagai warga Jabatan Alam Sekitar, kita harus sedar bahawa tugas kita bukan hanya sekadar memenuhi sasaran kerja tahunan. Sebagai warga JAS, sikap dan nilai cinta terhadap alam sekitar perlulah ada dalam diri kita dan dipraktikkan dalam kehidupan seharian kita baik di pejabat mahupun di rumah. Tabiat-tabiat buruk yang membawa kepada kemerosotan alam sekitar hendaklah dikikis.

Contohnya tabiat membazir sumber-sumber seperti air, tenaga elektrik dan kertas. Walaupun pelbagai kempen kesedaran alam sekitar telah giat dijalankan oleh Jabatan ini dan juga agensi-agensi lain di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, masih ada lagi warga kerja Kementerian ini (termasuk warga JAS) yang tidak mempraktikkan sepenuhnya budaya menjaga alam sekitar. Menyedari hakikat ini, setiap Jabatan di bawah NRE telah diminta untuk melaksanakan kempen penjimatan tenaga dan sumber pejabat. Beberapa cadangan telah dikenalpasti untuk tujuan ini. Antaranya ialah 'lights off' semasa waktu rehat dari jam 1.00 petang hingga 2.00 petang, penjimatan penggunaan kertas dan kitar semula barangan terpakai. Cabaran utama dalam kempen ini adalah untuk mempertingkatkan kesedaran kita semua terhadap penjimatan tenaga dan sumber-sumber pejabat dan menterjemahkan kesedaran tersebut kepada amalan dan tabiat anti pembaziran. Bagi menyahut seruan penjimatan tenaga ini, pelbagai usaha boleh dilaksanakan. Contohnya, memastikan pintu-pintu utama pejabat ditutup rapat. Pintu yang tidak ditutup rapat boleh mengakibatkan pembaziran tenaga kerana sistem penghawa dingin terpaksa menggunakan lebih banyak tenaga untuk menyejukkan sesebuah bilik. Sebenarnya, banyak langkah-langkah penjimatan tenaga yang cukup mudah untuk diamalkan seperti menutup air selepas selesai menggunakannya, menutup suis lampu selepas meninggalkan bilik dan menutup komputer semasa waktu rehat dan sebelum meninggalkan pejabat.

Saya percaya tuan-tuan dan puan-puan sememangnya mengamalkan langkah-langkah ini di rumah jadi tidak menjadi masalah sekiranya tuan-tuan dan puan-puan dapat membawa amalan penjimatan ini ke pejabat. Selain itu, Bahagian Komunikasi Strategik juga pernah mengagihkan buku Amalan Mesra Alam kepada semua warga JAS. Diharap agar tuan-tuan dan puan-puan mempraktikkan amalan *green tips* tersebut.

Akhir kata, saya berharap kita semua dapat melaksanakan tugas dan kewajiban kita dengan penuh berdedikasi dalam suasana yang aman dan harmoni sebagai satu pasukan. Nyalakanlah satu semangat yang berkobar-kobar untuk memberi perkhidmatan yang lebih cemerlang .

Sekian, terima kasih.

29 Mei 2009

Bahagian Pentadbiran dan Kewangan
Ibu Pejabat Jabatan Alam Sekitar
Putrajaya.